

<p>HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>(Baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda bercadang untuk mengambil Kad Kredit atau Kad Komersial UOB. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am).</p>	<p>United Overseas Bank (Malaysia) Bhd</p> <p>Kad Kredit/Kad Komersial</p>
---	---

1. Apakah Produk ini?

Kad Kredit – Satu kemudahan kredit tanpa cagaran yang ditawarkan oleh pihak bank beserta sekeping kad plastik. Kad kredit boleh digunakan untuk membuat bayaran bagi sebarang produk dan perkhidmatan di mana-mana peniaga atau mengeluarkan wang tunai daripada mesin ATM. Jenis kad yang ditawarkan:

- | | | |
|---|---------------------------------------|----------------------------|
| 1. Privilege Banking Visa Infinite Card | 2. Visa Infinite Card | 3. Preferred Platinum Card |
| 4. Lady's Solitaire Card | 5. Lady's Platinum Card / Lady's Card | 6. VOX Visa Card |
| 7. ONE Platinum Card / ONE Card | | |

Kad Komersial – Satu program kad kredit yang menawarkan kepada syarikat cara yang lebih mudah mengurus perbelanjaan perniagaannya. Jenis kad yang ditawarkan:

- Kad Perniagaan** – ditawarkan kepada ahli perniagaan golongan segmen runcit/SMI/SME sebagai alternatif pembayaran tradisional yang menjimatkan kos dan masa. Ia memisahkan perbelanjaan perniagaan dan peribadi dengan menggabungkan semua perbelanjaan perniagaan seperti perjalanan dan hiburan, premium insurans, perbelanjaan petrol dan bil telefon bimbit di bawah satu kad bagi meningkatkan aliran tunai.
- Kad Korporat** – ditawarkan kepada syarikat senarai awam/badan korporat besar tempatan dan multinasional/badan berkanun untuk mempermudah pengurusan perbelanjaan perjalanan dan hiburan (P&H). Ia menawarkan kemudahan sehenti yang menggabungkan semua perbelanjaan P&H dan maklumat semua pengguna kad bagi membolehkan syarikat mengurus perbelanjaan dengan berkesan kerana syarikat menerima maklumat disatukan bagi semua perbelanjaan P&H.
- Kad Pembelian** – kad bayaran/perolehan/kredit yang ditawarkan kepada semua segmen perniagaan bagi bayaran perbelanjaan perniagaan seperti bil utiliti (cth: telefon, elektrik), majlis perbandaran, premium insurans, perbelanjaan perjalanan (cth: tiket penerbangan, tempahan hotel, sewaan kenderaan), bekalan pejabat (cth: langganan surat khabar & majalah, alat tulis, senggaraan/perkakasan/perisian komputer) dan pembekal perkhidmatan pejabat (cth: syarikat kurier, perkhidmatan guaman dan kesetiausahaan syarikat, perkhidmatan pembersih pejabat). Ia menggantikan proses pembayaran dan tempahan pembelian tradisional untuk benda nilai rendah dalam kuantiti besar. Ini adalah suatu kaedah inovatif perolehan perniagaan yang mempermudah kebenaran dan mempermudah pembayaran dan penyelesaian. Ini banyak mengurangkan masa dan kos yang berkaitan dengan pembayaran untuk barangan dan perkhidmatan perniagaan ke perniagaan tak langsung dengan menghapuskan tempahan pembelian dan pemprosesan invoice berasaskan kertas. Ini merupakan satu cara mudah untuk mengurus perolehan dan membolehkan vendor dibayar tepat pada masa dan meningkatkan keupayaan pelanggan untuk menumpukan perhatian terhadap perniagaan utama.

2. Apakah yang boleh saya perolehi daripada produk ini?

Had Kredit
Kad Kredit – Tertakluk kepada kelulusan pihak Bank yang akan dimaklumkan kepada anda. Tempoh Tanpa Caj Kewangan adalah 20 hari dari tarikh penyata transaksi runcit, dengan syarat tiada baki tertunggak dalam akaun kad kredit.

Kad Komersial – Tertakluk kepada kelulusan pihak Bank yang akan dimaklumkan kepada anda. Tempoh Tanpa Caj Kewangan adalah 30 hari dari tarikh penyata transaksi runcit, dengan syarat tiada baki tertunggak dalam akaun kad kredit.

- Caj Kewangan**
- | | |
|---|--|
| a. Peringkat I: 15% setahun (Berkuatkuasa 1 April 2012) | – Ahli kad kredit yang segera menjelaskan Bayaran Minimum Perlu Dibayar pada Tarikh Akhir Pembayaran berkenaan selama 12 bulan dalam masa 12 bulan terakhir berturut-turut; |
| b. Peringkat II: 17% setahun (Berkuatkuasa 1 Mei 2012) | – Ahli kad kredit yang segera menjelaskan Bayaran Minimum Perlu Dibayar pada Tarikh Akhir Pembayaran berkenaan selama 10 bulan atau lebih dalam masa 12 bulan terakhir berturut-turut; |
| c. Peringkat III: 18% setahun (Berkuatkuasa 1 Mei 2012) | – Ahli Kad Kredit yang tidak tergolong dalam mana-mana peringkat di atas. |

Caj Kewangan akan dikenakan atas Jumlah Bayaran Perlu Dibayar untuk Transaksi Runcit, dikira berdasarkan baki harian bermula dari tarikh transaksi dimasukkan ke dalam akaun kad (jika semua Jumlah Bayaran Perlu Dibayar dalam Penyata Akaun bulan terdahulu tidak dijelaskan sepenuhnya pada Tarikh Akhir Pembayaran berkenaan) sehingga pembayaran balik sepenuh telah dibuat.

Semua Jumlah Bayaran Perlu Dibayar atas Pengeluaran Tunai akan dikenakan Caj Kewangan sebanyak 18% setahun, dikira berdasarkan baki harian bermula dari tarikh wang tunai dikeluarkan sehingga pembayaran balik dibuat.

3. Apakah tanggungjawab saya?

Membuat pembayaran balik untuk transaksi yang dicaj/dibil pada atau sebelum tarikh akhir pembayaran.

Berikut merupakan pilihan pembayaran anda:

- Bayar Jumlah Bayaran Perlu Dibayar (Bayaran Penuh)
- Bayar Bayaran Minimum Perlu Dibayar; atau
- Bayar sebarang amaun antara Jumlah Bayaran Perlu Dibayar dengan Bayaran Minimum Perlu Dibayar, bergantung kepada keadaan kewangan anda.

Bagi pilihan 2 & 3, Caj Kewangan untuk transaksi runcit akan dikenakan bermula dari tarikh transaksi dimasukkan ke dalam akaun Kad Kredit.

Bayaran Minimum Perlu Dibayar adalah 5% daripada Jumlah Bayaran Perlu Dibayar atau RM50, mengikut mana lebih tinggi. Jika jumlah Bayaran Perlu Dibayar melebihi had kredit anda, maka amaun yang melebihi had kredit akan dicampurkan kepada Bayaran Minimum Perlu Dibayar.

Maka untuk mengelak daripada dikenakan Caj Kewangan dan Fi Pembayaran Lewat, anda dinasihatkan supaya menjelaskan sepenuhnya Jumlah Bayaran Perlu Dibayar sebelum Tarikh Akhir Pembayaran.

Anda, selaku ahli kad utama, akan bertanggungjawab pada transaksi yang dilakukan oleh ahli kad tambahan.

4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

1. Fi Tahunan

Kad Kredit

Jenis Kad	Utama (RM)	Tambahan (RM)
* Privilege Banking Visa Infinite Card	1,908.00	318.00
Visa Infinite Card	1,272.00	318.00
Lady's Solitaire Card	636.00	31.80
Preferred Platinum Card	209.88	31.80
ONE Platinum Card	178.08	31.80
Lady's Platinum Card	135.68	31.80
Lady's Card	72.08	31.80
ONE Card	72.08	31.80
** VOX Visa Card	6.36	31.80

* Permohonan Privilege Banking Visa Infinite Card adalah melalui jemputan saja.

** RM6.36 akan dikecualikan apabila satu (1) leretan dibuat setiap bulan pada sebarang amaun.

Kad Komersial

Fi Tahunan adalah RM159 setiap kad dan tiada fi dikenakan untuk 2 tahun pertama.

Untuk tahun seterusnya, tiada fi Tahunan dikenakan jika memenuhi struktur perbelanjaan berikut:

- 100% Pengecualian bagi perbelanjaan tahunan RM24,000 dan ke atas.
 - 75% Pengecualian bagi perbelanjaan tahunan RM18,000 dan ke atas.
 - 50% Pengecualian bagi perbelanjaan tahunan RM12,000 dan ke atas.
 - 25% Pengecualian bagi perbelanjaan tahunan RM6,000 dan ke atas.
2. Fi Pengeluaran Tunai – 5.3% atau RM21.20, (mengikut mana lebih tinggi) bagi setiap Pengeluaran Pendahuluan Tunai + faedah harian 18% setahun.
 3. Fi Penggantian Kad – RM50.00 setiap Penggantian Kad.
 4. Fi pertukaran transaksi luar negeri – Kadar penukaran adalah mengikut kadar semasa yang digunakan oleh Visa International atau MasterCard Worldwide seperti yang ditentukan oleh Visa International atau MasterCard Worldwide (yang mana berkenaan) pada masa transaksi tersebut tercatat, ditambah/serta bayaran pentadbiran sebanyak 1% atau kadar lain yang ditentukan oleh pihak bank akan dikenakan.
 5. Permintaan draf jualan – RM5.30 setiap fotokopi dan RM15.90 setiap salinan asal.
 6. Penyata tambahan Kad Kredit – RM5.30 untuk permintaan datang sendiri atau faksimili & RM6.36 untuk permintaan melalui pos.
 7. Fi dan caj lain
 - a. Kurier Kad Kredit – RM15.90 di dalam Malaysia & RM50.00 ke luar negara.
 - b. Pemulangan Baki Kredit – RM2.12 untuk Komisen & RM0.15 untuk Duti Setem.

5. Jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

- Caj penalti pembayaran lewat (Berkuatkuasa 1 Mei 2012) – 1% daripada jumlah keseluruhan baki tertunggak pada tarikh penyata atau minimum RM10, mengikut mana lebih tinggi, tertakluk kepada maksimum RM100.
- Hak untuk tolak-selesai – Kami berhak untuk tolak-selesai sebarang baki kredit dalam akaun yang disimpan dengan kami terhadap sebarang baki tertunggak dalam akaun kad kredit ini.
- Liabiliti untuk transaksi tanpa kebenaran – Ahli Kad tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang transaksi tanpa kebenaran yang dibuat selepas notis diberi kepada Bank dan pihak Bank atas budi bicara mutlaknya menetapkan had liabiliti Ahli Kad kepada RM250 (atau amaun lain yang akan ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa) berhubung dengan transaksi ekoran daripada penggunaan Kad sebelum dilaporkan kepada Bank jika Bank menentukan bahawa Ahli Kad telah dengan jujur dan mengambil usaha yang munasabah untuk mengawal Kad VISA/MASTERCARD dan segera melaporkan kehilangannya kepada Bank. Keputusan Bank atas hal yang tersebut di atas adalah muktamad dan terikat ke atas Ahli Kad.
- Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat untuk kad kredit, kami mempunyai hak untuk menamatkan kad kredit anda.

6. Jika baki dijelaskan sepenuhnya sebelum tarikh matang? (Untuk pelan pindahan baki atau bayaran fleksi)

Kad Kredit/Kad Komersial (sah untuk Kad Komersial liabiliti peribadi SAHAJA)

1. Pindahan Baki
 - Penalti penyelesaian awal: RM100
2. Pelan Kredit-Fleksi
 - Penalti penyelesaian awal: RM50

7. Apakah risiko utama?

Dengan hanya membayar balik bayaran minimum bulanan, jumlah faedah dan tempoh yang diambil untuk menjelaskan keseluruhan baki belum jelas anda akan bertambah. Fikir tentang kemampuan pembayaran balik anda sebelum menggunakan kad kredit.

Caj kewangan yang dikenakan atas baki belum jelas kad kredit ini berdasarkan struktur harga berperingkat yang ada hubung kait dengan sejarah pembayaran balik anda.

Jika anda menghadapi masalah untuk menjelaskan baki kad kredit anda, hubungi kami dengan segera untuk berbincang tentang pembayaran balik alternatif.

Anda hendaklah segera memberitahu kami setelah mendapati kad kredit telah hilang atau dicuri.

8. Apakah yang harus saya buat jika terdapat perubahan maklumat perhubungan?

Anda perlu memberitahu kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan anda bagi memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang kad kredit, sila rujuk kepada risalah maklumat perbankan tentang 'Kad Kredit', yang boleh didapati dari cawangan dan laman web kami www.uob.com.my

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

United Overseas Bank (Malaysia) Bhd

Tel : Kuala Lumpur (03-26128121)
Penang (04-2401121)
Johor Bahru (07-2881121)
Kuching (082-287121)
Kota Kinabalu (088-477121)

Fax : 03-26900121

Email : uobcustomerservice@uob.com.my

10. Produk kad kredit lain yang tersedia

Tiada

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN BALIK BERTERUSAN UNTUK BAKI KAD KREDIT ANDA